

**REVOLUSI BENTUK, FUNGSI DAN TREND PEMAKAIAN
TUDUNG DI MALAYSIA**
*REVOLUTION OF FORM, FUNCTION AND TRENDS IN THE
APPLICATION OF “TUDUNG” IN MALAYSIA*

Saniah Ahmad¹
Zairul Anuar Md. Dawam²

^{1&2}*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah*
saniah@ums.edu.my; zanuar@ums.edu.my
Tarikh dihantar: 16 Mei 2020/Tarikh diterima: 1 Julai 2020

ABSTRAK

Pengaruh kebangkitan Islam pada awal tahun 1970-an telah mencetuskan kesedaran pengamalan pemakaian tudung dalam kalangan wanita Melayu di Malaysia. Pengamalan pemakaian tudung pada tahun 1970-an hingga tahun 2020 telah memberi kesan kepada perubahan fesyen tudung dari aspek bentuk dan fungsinya. Perubahan cita rasa dan tujuan pemakaian tudung menyebabkan bentuk tudung, fungsi dan pemakaiannya juga turut berubah daripada bentuk tudung yang dikenali sebagai skaf kepada *shawl*. Metodologi kajian ini adalah berdasarkan sumber primer dan sekunder. Sumber prima diperoleh daripada beberapa informan, manakala sumber sekunder tentang skaf dan *shawl* diteliti dari gambar-gambar dalam media massa seperti majalah, katalog dan surat khabar tempatan dan dari media sosial seperti laman sesawang yang sah, blog, Facebook, YouTube dan Instagram. Hasil kajian mendapati wanita Islam pada masa kini mempunyai pelbagai pilihan untuk menggayakan tudung mengikut tujuan seseorang individu untuk bertudung. Tiga faktor utama dirungkaikan dalam kajian ini yang berkaitan dengan tujuan pemakaian tudung yang membentuk cita rasa yang berbeza bagi setiap individu. Cita rasa pengguna memilih jenis tudung adalah berdasarkan keperluan individu tertentu dari aspek fungsi, praktikaliti dan nilai estetika.

Kata kunci: Bentuk tudung, fungsi tudung, trend tudung, skaf, bawal, *shawl*, gaya tudung.

ABSTRACT

The influence of Islamic awakening in the early 1970's has sparked awareness, practicing the 'tudung' among Malay women in Malaysia. The practice of wearing 'tudung' in the 1970's through 2020 has influenced the fashion change of its 'tudung' in terms of shape and function. Changes in the taste and purpose of the headcarves have resulted in the 'tudung' shape, function and usage have also changed

from known as the scarf to the shawl. The methodology of this study is based on primary and secondary sources. Primary sources are derived from some relevant informants in this study while secondary sources on scaffolding and shawl are examined from images in mass media such as magazines, catalogs and local newspapers and from social media such as websites authentic, blog, Facebook, YouTube and Instagram. The results show that Muslim women today have a variety of options to decorate the 'Tudung' according to an individual's intention to wear a 'tudung'. The three main factors that are highlighted in this study are related to the purpose of wearing 'tudung' that create different tastes for each individual. The way consumers choose the 'tudung' is based on their individual needs in terms of function, practicality and aesthetic value.

Keywords: *Tudung shape, tudung function, tudung trends, scarf, bawal, shawl, tudung style.*

PENGENALAN

Sejarah perkembangan pemakaian tudung di Malaysia secara tidak langsung berkait rapat dengan era kebangkitan Islam pada awal tahun 1970-an. Pada ketika itu, sebilangan pelajar Melayu yang belajar di universiti dalam dan luar negara membawa pembaharuan ke arah kesedaran untuk membangkitkan semula nilai-nilai Islam yang telah lama diketepikan akibat penerapan sistem sekular dari Kolonial British di negara ini. Pelajar tersebut terdedah dengan pemikiran Islam kontemporari yang dipelopori oleh beberapa tokoh ilmuwan Islam antarabangsa seperti Hasan al-Banna dan Ahu Ala al-Maududi. Kefahaman baharu ini menengahkan konsep *islah* dan *tajdid*. *Islah* bermaksud memperbaiki sesuatu yang telah rosak dan pincang, manakala *tajdid* bermaksud memperbaharui sesuatu perkara (Fadhullah, 2008). Gerakan *islah* dan *tajdid* berlaku dalam bentuk organisasi yang mentafsir Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna, holistik dan dinamik (Mohammad Abu Bakar, 1987).

Aliran pemikiran dari Timur Tengah ini telah mencetuskan minat dan semangat baharu generasi terpelajar Melayu di universiti luar negara mahupun tempatan untuk membawa perubahan ke arah proses kebangkitan Islam di Malaysia (Norazlan, 2017). Antaranya ialah golongan terpelajar mula membuat gerakan sendiri di tempat mereka menimba ilmu seperti Universiti Malaya (UM) dengan kegiatan dakwah untuk memberi kesedaran Islam di peringkat institusi pengajian tinggi dari aspek asas seperti pergaulan sosial dan pakaian (Mohd. Firdaus, 2019). Gerakan golongan terpelajar ini bermula dengan penubuhan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu (PKPIPTM) di UM pada 31 Mac 1961. Nama persatuan itu telah bertukar namanya menjadi Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pada 29 September 1965

(www.pkpim.org.my). Setelah menamatkan pengajian, majoriti ahli persatuan PKPIM meneruskan perjuangan mereka mendekati masyarakat umum melalui persatuan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Menurut Profesor Dr Khalijah Salleh yang merupakan Setiausaha Wanita ABIM 1973–1974, era 1970-an merupakan zaman kebangkitan Islam di Malaysia yang mengetengahkan amalan memakai tudung (www.abim.org.my). Gerakan pemakaian tudung yang dilakukan oleh ABIM mendapat sokongan daripada pelbagai pihak. Antaranya ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggalakkan pemakaian tudung sebagai salah satu tatacara berpakaian dalam pakaian seragam lengkap untuk pelajar Islam sekolah rendah dan menengah (Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983) di seluruh Malaysia. Kini, pemakaian tudung tidak lagi dianggap sesuatu yang pelik kerana majoriti wanita Melayu dan Islam mula menyedari keperluan dan tuntutan untuk memakai tudung ini (www.abim.org.my).

Revolusi Iran yang menjatuhkan kerajaan sekular Reza Shah Pahlavi yang berkuasa semenjak 1936 juga berperanan membangkitkan kesedaran umat Islam untuk menentang sistem sekularisme yang diterapkan dalam pendidikan, pentadbiran dan gaya hidup dalam masyarakat (Fauzan, 2008). Revolusi ini memberi kesan dari aspek pemakaian. Sebelum ini tatacara berpakaian berjaya disekularkan oleh pihak Barat seperti Amerika Syarikat, British dan Belanda pada pasca Perang Dunia Pertama iaitu pada penghujung tahun 1930-an hingga 1940-an (Nazirah, 2014). Kerajaan Iran yang baharu telah mewajibkan pakaian menutup aurat dan memakai tudung khususnya untuk wanita. Peraturan ini sedikit sebanyak mempengaruhi cara berpakaian umat Islam di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Di Malaysia terdapat dua kelompok yang memakai tudung. Kelompok pertama memakai tudung kerana kesedaran untuk taat dan mematuhi syariat Islam khususnya dalam konteks menutup aurat. Kelompok ini juga terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan terpelajar dan golongan masyarakat umum. Golongan terpelajar adalah wanita Islam yang berpendidikan tinggi sama ada dari dalam dan luar negara yang berumur dalam lingkungan 25–30an. Bentuk tudung yang biasa dipakai pada ketika itu adalah berbentuk bulat (temu bual Siti Khadijah Abdul Wahid, 2019) dan berbentuk segitiga (temu bual Mohd. Firdaus, 2019) yang labuh dan menutup bahagian aurat yang perlu ditutup. Sementara itu, golongan masyarakat biasa yang berkesedaran untuk bertudung lebih selesa memakai tudung yang ringkas seperti gaya tudung segi tiga ikat belakang. Tudung-tudung ini dipakai sebagai pakaian harian ketika menjalani aktiviti luar rumah seperti ke pasar, bekerja, mengaji al-Quran dan belajar di universiti.

Kelompok kedua pula bertudung kerana ia merupakan sebahagian daripada adat dan budaya (temu bual Siti Zainon Ismail, 2018) yang diterapkan dalam masyarakat. Mereka terdiri daripada masyarakat umum dalam lingkungan umur 40 tahun ke atas yang biasanya sudah berkahwin (temu bual Khadijah Abdul Wahid, 2019). Kelompok ini lebih selesa memakai kain selendang yang bercirikan penampilan budaya kemelayuan. Selendang dipakai khas untuk ke majlis berunsurkan keagamaan seperti belajar mengaji al-Quran di rumah imam dan tok guru, ke majlis seperti kenduri perkahwinan, khatam al-Quran (temu bual Siti Zainon Ismail, 2018), mencukur jambul, pertunangan dan kematian. Selain itu, selendang juga dipakai untuk acara dalam majlis rasmi (temu bual Che Zainon Omar, 2019) kerajaan dan berkaitan dengan majlis diraja seperti majlis makan malam, anugerah dan penghargaan rasmi.

Kaedah Kajian

Kajian ini bersifat kualitatif dari sumber data primer dan data sekunder yang relevan. Data kajian ini dimulai dengan kajian perpustakaan, iaitu menyelidiki artikel dari prosiding, jurnal, tesis, buku dan majalah yang berkaitan. Selain itu, koleksi data juga diperoleh daripada observasi serta analisis kandungan yang diperoleh dari sumber media baharu. Sumber media baharu ini adalah data dalam bentuk teks dan gambar dari artikel dalam blog, laman web, Facebook dan surat khabar dalam talian. Pengumpulan data adalah berkenaan dengan jenis dan bentuk tudung diteliti dari gambar-gambar dalam media massa seperti majalah, katalog dan surat khabar tempatan. Gambar-gambar tentang trend *shawl* diteliti dari media sosial seperti laman sesawang yang sah, blog, Facebook dan YouTube. Kajian ini juga disokong dengan data temu bual beberapa orang informan.

Istilah dan Gaya Pemakaian Tudung

Istilah kain dan gaya pemakaian penutup kepala atau tudung berbeza mengikut budaya sesebuah negara. Di Iran dan kebanyakan negara Arab, gaya pemakaian penutup kepala atau rambut wanita dilakukan dengan menggunakan kain labuh yang dikenali sebagai *chador* (<http://www.bbc.co.uk>). Gaya pemakaian kain labuh ini menutupi seluruh badan dari kepala labuh hingga ke bahagian pinggang. Terdapat juga cara menutup rambut dilakukan dengan memakai hijab atau selendang panjang yang dililit di bahagian kepala hingga ke bahu. Di Indonesia, pemakaian yang menutup rambut hingga ke bahagian tulang selangka dikenali sebagai kerundung (<http://kumparan.com>), manakala bahagian aurat yang wajib ditutup sesudah akhil baligh khasnya sebagai penutup kepala hingga melepasi dada dipanggil jilbab (M.Abdan Nurfiqin. 2013).

Di Malaysia, terdapat beberapa jenis dan istilah yang merujuk kepada tudung. Pada tahun 70-an, istilah dan jenis tudung terbahagi kepada tiga kategori iaitu telekung mini (Asliza & Che Zainon, 2019), Skaf (Anizon & Asliza, 2019) dan Selendang (Siti Zainon, 2018). Istilah telekung mini merujuk kepada tudung labuh yang berjahit seperti khimar yang boleh disarung terus ke bahagian muka pemakainya. skaf pula merujuk kepada kain tudung bersaiz kecil berbentuk segi empat yang dilipat menjadi bentuk tudung segi tiga yang kemudian diikat belakang hanya sekadar menutup rambut sahaja (temu bual Siti Khadijah, 2019). Gaya tudung ini hampir sama dengan cara pemakaian seperti bandana (Indah Seokotjo, 2015). Selendang pula merupakan kain berbentuk empat segi tepat yang dipotong panjang yang dipakai sebagai penutup kepala serta untuk menyelubungi bahu (<https://sewguide.com/>).

Pada tahun 80-an, istilah dan jenis tudung masih sama dan tidak banyak berubah. Namun demikian, pada tahun 90-an, perubahan yang ketara berlaku apabila tudung empat segi dari jenis kain *voile* dikenali sebagai tudung bawal menjadi *trending* dan digemari oleh majoriti wanita bertudung. Hampir 12 tahun kebelakangan ini, istilah tudung empat segi yang bukan dari kain *voile* telah bertukar gelarannya kepada tudung bawal (Haliza, 2018). Pelbagai istilah baharu muncul bagi memperjelaskan tudung segi empat dari jenis kain yang bebeza seperti bawal *cotton*, bawal *crepe*, bawal satin, bawal *chiffon*, bawal *cornskin* (www.tudung2u.com.my) dan lain-lain lagi. Selepas itu, sekitar tahun 2010 hingga kini wujud pelbagai istilah dan jenis tudung.

Selain itu, berlaku perubahan yang ketara pada akhir tahun 1990-an apabila ramai wanita terpengaruh dengan fesyen tudung dari Indonesia mahupun negara Arab. Pengaruh tudung dari Indonesia yang diikuti adalah dari jenis tudung sarung. Tudung tersebut dari jenis kain *stretchable* atau boleh diregang seperti kain *jersey* yang berjahit siap, dipanggil sebagai tudung sarung atau tudung *instant* (temu bual Anizon Hussien & Che Zainon, 2019). Selain itu, golongan muda khasnya yang belajar di IPT menggemari gaya tudung Arab dari jenis selendang panjang dipanggil tudung *pashmina* atau *shawl* (temu bual Anizon, Azlia & Che Zainon, 2019).

Reka Bentuk dan Fungsi Tudung di Malaysia

Menelusuri sepanjang 50 tahun sejak 1970 hingga kini, tudung telah berevolusi dari aspek reka bentuk dan fungsinya. Konsep reka bentuk perlu diambil kira sebelum menghasilkan produk dalam bentuk nyata. Antara konsep reka bentuk tudung merangkumi rupa, bentuk, tekstura fabrik yang digunakan, warna dan

hiasan tambahan (<http://sewguide.com/>). Sesuatu produk akan lebih bermanfaat jika dapat memenuhi fungsi atau kriteria-kriteria yang dikehendaki oleh pengguna. Menurut Ulrich dan Eppinger (2008), tiga fungsi rekaan produk adalah sebagai satu identiti atau jenama tersendiri, melindungi produk dari aspek *qualiti control* dan nilai tambah yang ada pada produk tersebut. Fungsi produk yang baik direka untuk menyelesaikan masalah pengguna (Boland & Collopy, 2004) seperti memudahkan dari aspek penyelenggaraan, penyimpanan dan mempercepatkan sesuatu proses yang menjimatkan masa pengguna. Selain itu, fungsi sesuatu produk yang diinginkan seharusnya mempunyai atau nilai tambah dan nilai estietika yang unik (Elsbach, K. D, 2009; Bloch, 1995). Oleh hal yang demikian, fungsi sesuatu produk merupakan faktor yang dapat menarik hati pengguna untuk membeli dan memilikinya, tidak terkecuali dengan produk tudung yang juga mengambil kira aspek-aspek tersebut.

Dari aspek teori pemasaran pula, reka bentuk dan fungsi produk sememangnya menjadi salah satu prinsip asas yang perlu dipenuhi sebelum mengeluarkan sesuatu produk baharu. Terdapat tujuh kaedah konvensional yang perlu diambil kira untuk memasarkan produk dengan jayanya. Tujuh kaedah tersebut ialah penentuan harga, spesifikasi produk, promosi produk, pemilihan tempat yang sesuai, sasaran pelanggan, proses penghasilan produk dan imej fizikal premis perniagaan yang boleh menarik minat pelanggan (www.smeinfo.com.my). Selain itu, strategi pemasaran masa kini perlu dieksplorasi dengan cara yang lebih kreatif, khasnya melibatkan media sosial seperti berkolaborasi dengan *influencer* atau orang yang berpengaruh untuk mempromosikan produk dengan lebih berkesan (<https://www.jurnal.id/id/blog/>).



Rajah 1 Ketahui Kaedah Pemasaran Anda: 7 Kaedah Pemasaran. *Small and Medium Enterprise* (SME Info) <http://www.smeinfo.com.my>.

Dalam konteks produk tudung pula dikenalpasti berbeza mengikut zaman. Namun, pada era 70-an–80-an tidak banyak perbezaan yang berlaku. Ciri-ciri tudung 1980-an berkesinambungan dengan reka bentuk tudung pada era 70-an. Di peringkat awal, reka bentuk tudung pada masa itu sangat ringkas dan bersaiz kecil berbanding pada zaman 90-an dan sekarang. Konsep tudung khasnya yang dipakai oleh masyarakat marhaen berfungsi untuk menutup rambut sahaja bahagian leher dan dada masih terdedah.

Rupa Bentuk dan Saiz

Bentuk tudung terbahagi kepada dua, iaitu skaf atau tudung segi empat dan selendang panjang. Selendang diperbuat daripada sehelai kain yang dipotong bentuknya menjadi segi empat tepat dengan ukuran panjang kain dari 1 meter hingga 1.5 meter (temu bual Che Zainon Omar, 2019). Kelebaran kain selendang adalah dari 18 inci hingga 22 inci. Selendang berukuran standard pula panjangnya 1.75 meter serta kelebaran kain antara 20 inci atau 0.5 meter (<http://sewguide.com>). Saiz selendang telah berubah mengikut peredaran fesyen sejak tahun 2000 hingga sekarang. Saiz selendang adalah lebih panjang, iaitu antara 1.8 meter hingga 2.1 meter dengan kelebaran antara 26 inci atau 0.65 meter hingga 30 inci atau 0.75 meter. Pemakaian selendang panjang biasanya dililit dengan pelbagai cara untuk menghasilkan variasi gaya yang kreatif.

Bentuk skaf pula terhasil daripada kain yang dipotong berbentuk segi empat sama dengan kelebaran bukaan kain atau bidang kain 36 inci atau 0.9 meter dan 45 inci atau 1.13 meter. Terdapat dua jenis saiz yang biasa dipakai pada zaman 70-an hingga awal tahun 1990-an. Kebanyakan skaf yang dijual di pasaran yang bersaiz mini dan midi dengan ukuran 22 inci atau 0.55 meter hingga 36 inci atau 0.9 meter persegi (Emma Fallman Stockholm, 2020). Namun sejak pertengahan tahun 1990-an hingga kini, terdapat variasi saiz skaf yang dijual di pasaran khasnya kedai-kedai tudung di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur (temu bual Haliza Mahsuri, 2018). Antaranya saiz skaf yang lebih besar mengikut kelebaran kain iaitu bidang 50 inci, 55 inci dan 60 inci (temu bual Haliza, 2018). Untuk saiz skaf standard yang tidak terlalu besar dan tidak terlalu kecil adalah dari kain bidang 45 inci.

Jenis Fabrik

Dari aspek penggunaan kain pada zaman 70-an hingga 80-an juga tidak begitu banyak pilihan, Fabrik untuk skaf kebanyakannya menggunakan kain *cotton* dari kategori *medium weight* atau kualiti berat kain yang tidak terlalu nipis dan tidak

terlalu tebal. Kain *cotton* tersebut diperbuat daripada jenis *cotton poplin* yang biasa digunakan untuk membuat pakaian seragam sekolah. Untuk selendang pula, masih kekal dengan selendang jarang dan nipis seperti kain kasa rubia (temu bual Haliza, 2018) atau seakan-akan kain sutera saring (temu bual Siti Zainon, 2018). Namun sekitar pertengahan 70-an hingga 80-an, selendang juga diperbuat daripada kain *lace* atau renda (temu bual Che Zainon & Siti Khadijah, 2019) serta terdapat hiasan *blink-blink* atau berkilat pada selendang tersebut (temu bual Siti Khadijah Abdul Wahid, 2019).

Dari tahun 1990-an hingga kini, pelbagai jenis fabrik digunakan untuk skaf mahupun selendang. Jenis kain untuk skaf pada awal tahun 90-an dari kategori *medium weight* seperti kain *Georgette*, sutera-satin, polister dan *jersey* (temu bual Asliza & Che Zainon, 2019). Kain selendang pula masih mengekalkan penggunaan kain dari kategori *light weight* yang mempunyai ciri seperti nipis dan jarang. Fabrik tersebut seperti *lace*, organza, *net* dan *chiffon* dihiasi dengan reka corak sulaman seperti sekuin dan manik (temu bual Che Zainon, 2019). Selain itu, kain untuk skaf yang popular pada akhir tahun 90-an pula adalah kain *cotton voile* yang jarang dan nipis. Hingga kini, kain *cotton voile* atau dikenali sebagai kain bawal masih diminati ramai kerana ia selesa dipakai. Walaupun demikian, variasi skaf pada masa sekarang juga menggunakan kain yang sama, yang popular untuk tudung *shawl* iaitu dari jenis *chiffon*, *crepe*, satin dan *cornskin* (<http://www.tudung2u.com.my>).

Warna

Pada zaman 70-an tidak terlalu banyak pemilihan warna tudung. Warna yang biasa digunakan untuk tudung skaf adalah dari jenis kain polos *cotton* berwarna putih dan *cream* (temu bual Che Zainon, 2019), manakala warna yang banyak digunakan pada zaman 80-an adalah dari warna-warna yang gelap dan suram seperti biru tua, kelabu dan coklat tua (Siti Khadijah & Noor Karimah, 2019). Warna tudung pada zaman 90-an lebih kepada warna terang dan kontra seperti padanan warna hitam dengan putih (Ammar Arif, 2018), sama ada dari jenis kain polos tanpa corak mahupun kain yang bercorak (temu bual Che Zainon Omar, 2019). Pada tahun 2000 hingga 2010, warna tudung lebih bervariasi dari jenis warna terang, cerah, suram mahupun warna gelap.

Namun, setelah kemunculan banyak produk jenama tudung tempatan yang disasarkan kepada golongan kelas pertengahan, warna tudung berubah mengikut trend. Warna semasa yang diikuti seperti dari Indonesia mahupun dari negara Barat seperti Amerika Syarikat dan Britain. Pada tahun 2011 hingga

2014, trend warna yang dipanggil *color block* menjadi ikutan ramai (temu bual Anizon Hussien & Siti Azlia Idha, 2019). *Color block* adalah trend warna dari gabungan warna komplementari seperti warna jingga dipadankan dengan hijau, merah jambu dipadankan dengan kuning, biru dipadankan dengan warna merah dan lain-lain lagi. Pada tahun 2015 hingga sekarang, trend warna untuk tudung adalah dari kumpulan warna pastel setelah dipelopori oleh jenama Nealofar Hijab (temu bual Anizon, 2019). Warna ini terdiri daripada semua warna yang lebih banyak dicampur dengan warna putih. Kepekatan warna tersebut kelihatan lebih cerah seperti warna *baby blue* atau biru muda, lavender atau ungu muda dan lain-lain lagi.

Pelengkap Pemakaian Tudung

Pemakaian anak tudung juga seiring dengan pemakaian tudung kerana menjadi salah satu pelengkap tudung (temu bual Anizon Hussien, 2019). Fungsi anak tudung adalah sebagai pembalut rambut yang mencengkam di dahi hingga menutupi telinga agar kelihatan kemas serta terbentuk elok bila memakai tudung. Pada zaman 70-an, anak tudung juga digelar serkup yang diperbuat daripada benang kait atau benang *wool* (temu bual Che Zainon & Siti Khadijah, 2019). Pada ketika itu, ramai yang tidak memakai anak tudung khasnya apabila menggayakan tudung ikat belakang. Hal ini disebabkan permukaan kain yang kesat atau tidak licin seperti kain *cotton* berfungsi mencengkam apabila diikat dengan ketat agar tudung tersebut tidak mudah beralih atau longgar dari ikatan. Anak tudung pada zaman awal 80-an hingga awal tahun 2000 masih sama bentuknya iaitu diperbuat daripada benang kait (temu bual Che Zainon, 2019). Namun, setelah fesyen tudung berevolusi dengan pesat sekitar 2010 hingga 2015, anak tudung juga turut berubah gelarannya (temu bual Anizon, 2019). Pada masa sekarang, serkup dipanggil sebagai *inner* tudung. *Inner* tudung tersebut diperbuat daripada jenis kain yang selesa dipakai seperti campuran *cotton* dan *spandex* yang mudah meregang, juga dikenali sebagai *stretchable cotton* dengan nama seperti *scuba* dan *viscose spandex* (www.lailatextile.com.my/product).

	
<p>Foto 1 Kerchief bandana <i>Sumber:</i> https://www.amazon.com Denim Blue Kerchief Bandana Headband 14 Inches 3 Sizes</p>	<p>Foto 2 Anak tudung atau serkup kepala dari kain kait <i>Sumber:</i> shopee.com.my</p>


Fungsi dan Pengayaan Tudung

Terdapat tiga jenis tudung yang dominan dipakai dalam masyarakat atau wanita biasa. Jenis tudung lebih tertumpu kepada tudung berjahit, tudung tiga segi berpin dan selendang panjang yang diselempang di bahu. Terdapat dua jenis tudung berjahit iaitu tudung potongan bulat dan tudung segi empat yang dilipat dua menjadi tiga segi. Tudung potongan bulat yang berjahit dikenali sebagai tudung dakwah atau telekung mini (temu bual Noor Karimah & Siti Khatijah, 2019). Sementara itu, tudung segi tiga berjahit dikenali sebagai tudung sekolah (Asliza & Siti Azlia Idha, 2019). Gaya pemakaian skaf atau tudung empat segi yang dilipat hingga menjadi bentuk segi tiga dan dipin di bawah dagu (temu bual Noor Karimah, 2019) kini dikenali sebagai gaya tudung bawal.

	
<p>Foto 3 Tudung dakwah atau telekung mini labuhnya hingga paras punggung. <i>Sumber:</i> Tudung Labuh Bulat Koshibo. https://my-baju.net/tailor/350/item/3</p>	<p>Foto 4 Tudung sekolah labuhnya hingga ke paras pusat. <i>Sumber:</i> Tudung Sekolah Iman Safiyah. https://www.picuki.com/tag/tudungsekolahimansafiyah.</p>

Secara umumnya, cara asas memakai skaf adalah sama walaupun dari pelbagai variasi gaya seperti tudung ikat belakang, tudung ikat depan, tudung selempang di bahu, tudung pin di bahu dan tudung selempang ikat belakang. Cara asas tersebut adalah melipat kain tudung segi empat secara merencong atau lipatan *bias* untuk membentuk rupa segi tiga. Bentuk ini berfungsi untuk memudahkan pengguna menyiapkan pemakaian tudung agar kelihatan lebih ringkas dan kemas. Hal ini demikian kerana bentuk segi tiga tersebut mempunyai dua lapisan iaitu lapisan luar dan lapisan dalam. Dua lapisan bentuk segi tiga ini akan memudahkan pengguna mengemaskan tudung di bahagian sekitar sisi muka hingga ke dahi. Bahagian melengkung di dahi itu dipanggil sebagai *awning*. Tudung yang mempunyai *awning* sangat digemari oleh wanita dewasa di Malaysia kerana terbentuk kemas mengikut lengkungan raut wajah .

Melalui asas lipatan skaf yang dinyatakan di atas, pemakaian pin di bawah dagu diperlukan dengan tujuan untuk membentuk lubang muka (*face loop*). Lubang muka perlu diketatkan mengikut saiz dan bentuk muka individu sebelum menggayakannya dengan pelbagai gaya seperti menyelempang hujung tudung hadapan ke belakang dan mengikat hujung tudung di belakang tengkung. Selain itu, bahagian hadapan tudung juga diikat depan dengan ringkas atau membuat bentuk riben di bahagian bawah dagu (Siti Azlia Idha Abdul Latif, 2019). Gaya kedua-dua tudung ini sangat popular semasa awal tahun 90-an. Sementara itu, pengayaan tudung *necktie* digemari pada pertengahan tahun 90-an. Pada akhir tahun 90-an, tudung selempang yang dipin di kedua-dua belah bahu (Noor Karimah Harun, 2019) masih menjadi kegemaran wanita yang mengutamakan pengayaan tudung yang menutupi bahagian dada hingga hari ini.

	
<p>Foto 5 Gaya tudung ikat belakang zaman 1970-an tanpa memakai anak tudung. <i>Sumber:</i> Foto peribadi Che Zainon Omar</p>	<p>Foto 6 Gaya tudung ikat belakang zaman 1980-an dipakai bersama serkup. <i>Sumber:</i> Foto peribadi Che Zainon Omar</p>

Pada awal tahun 1970-an hingga 1980-an, didapati tidak banyak variasi dan gaya pemakaian tudung. Gaya skaf mahupun selendang pada ketika itu

sangat ringkas dan tidak mempunyai fesyen tertentu. Hal ini disebabkan pada peringkat awal tujuan bertudung dalam kalangan masyarakat umum adalah untuk menutup rambut sahaja. Bahagian lain seperti leher, telinga dan dada masih terdedah. Sebagai contoh, gaya pemakaian ini dikenali sebagai gaya tudung ikat belakang (temu bual Che Zainon & Siti Khadijah, 2019). Gaya ini biasa dipakai oleh mereka yang baharu berjinak-jinak memakai tudung khususnya pada zaman 80-an (temu bual Che Zainon, 2019). Bentuk tudung ikat belakang berfungsi menjimatkan masa serta memudahkan pemakaiannya. Cara pemakaian tudung ini adalah engan mengikat kedua-dua hujung tudung tersebut ke belakang seperti bandana atau *kerchief* (Indah Seokotjo, 2015).

	
<p>Foto 7 Gaya tudung ikat riben <i>Sumber:</i> Koleksi peribadi penulis, Malam Mesra Siswa-Siswi Perantauan tahun 1998.</p>	<p>Foto 8 Gaya tudung ikat depan <i>Sumber:</i> Koleksi peribadi penulis, rakan sekerja di AITEX Sdn. Bhd. tahun 2000.</p>

Terdapat sedikit perubahan pada gaya tudung tahun 1990-an, iaitu wanita lebih berkesedaran untuk menutup sekurang-kurangnya rambut dan leher mereka. Stail tudung selempang ikat belakang dan stail tudung selempang di bahu adalah salah satu gaya yang memenuhi fungsi untuk menutup rambut dan leher. Pada pertengahan tahun 1990-an, wanita mula berkesedaran untuk memakai tudung yang menutup bahagian dada. Stail tudung yang popular dipakai untuk menutup dada seperti tudung selempang pin di bahu (temu bual Noor Karimah, 2019). Walaupun tidak semua yang memakai stail tudung tersebut, stail ini masih dipakai hingga kini khususnya oleh pelajar IPT dan wanita muda berkerjaya yang cenderung ke arah pematuhan cara berpakaian dan bertudung mengikut syariat Islam.

	
<p>Foto 9 Gaya tudung selempang ikat belakang. <i>Sumber:</i> Koleksi Peribadi penulis, rakan karib berjalan kaki ke kuliah pada tahun 1996.</p>	<p>Foto 10 Gaya tudung selempang di bahu. <i>Sumber:</i> Koleksi Peribadi penulis, rakan kolej menghadiri Malam Mesra Kolej Jati pada tahun 1997.</p>

Cita rasa pengguna terhadap stail pemakaian tudung berubah sejak awal tahun 2000, iaitu daripada skaf atau tudung segi empat telah bertukar kepada *shawl* atau selendang panjang. Golongan remaja khususnya pelajar dari IPT gemar mencuba stail tudung baharu yang ditiru dari gaya dari Timur Tengah seperti negara Arab dan Turki (temu bual Anizon, 2019). Stail tudung ini lebih kepada lilitan selendang panjang yang sesuai untuk membentuk *draping* atau kepuk-kepuk yang beralun. Menurut Anizon dan Siti Azlia (2019), selendang panjang sesuai digunakan untuk membuat *hijab styling* yang lebih kreatif dan menarik khususnya ketika menghadiri majlis tertentu. Pada ketika ini, majoriti wanita Melayu Islam bertudung jika dibandingkan dengan situasi di zaman 70-an (temu bual Anizon & Che Zainon, 2019). Oleh hal yang demikian, permintaan terhadap tudung sangat pesat hingga ramai anak muda lulusan universiti tempatan yang menyedari prospek in telah mengambil inisiatif untuk membuka perniagaan tudung.

	
<p>Foto 11 Gaya selendang pashmina <i>Sumber:</i> noicboo.blogspot.com</p>	<p>Foto 12 Gaya tudung bawal pin di bahu <i>Sumber:</i> Facebook: Tudung Dea Ameera</p>

Pertambahan pemakai tudung telah membuka peluang peniagaan, sekaligus menawarkan pelbagai bentuk dan jenis tudung untuk pengguna. Pada tahun 2008, seiring dengan trend dunia *blogging*, maka perniagaan tudung *online* telah bermula (Gyna Tsuraya Al-Yahyaa, 2018). Segolongan anak muda kreatif yang berpendidikan dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) contohnya telah mengambil peluang ini untuk membuka perniagaan tudung secara dalam talian menerusi blog yang kemudiannya ditambah baik menerusi laman web sendiri (Zulhelmi Abdullah, 2018). Ketika itu, peniaga mengasas jenama tudung tersendiri hingga berjaya menarik minat pelanggan untuk membelinya.

	
<p>Foto 13 Gaya tudung segi tiga atau tudung bawah lepas depan <i>Sumber:</i> Koleksi peribadi penulis, Hari Raya Pertama tahun 1996.</p>	<p>Foto 14 Gaya tudung ikat <i>necktie</i> atau ikat roket <i>Sumber:</i> Koleksi peribadi Che Zainon Omar, Rakan Sekerja Beruniform.</p>





Jenama tudung yang popular ketika awal penjualan secara dalam talian ialah Radiusite, Sugarscarf, Tudung People, Ariani, Aidijuma, Jelitasara (Siti Zarinah, 2015; Dzireena, 2016 & Nik Hazirah, 2018; www.jelitasara.com) serta Calaqisya dan Al-Humaira Contemporary (Zulhelmi, 2018). Di peringkat awal, jenama-jenama tersebut dipakai khasnya oleh golongan siswi dari IPT tempatan. Lama-kelamaan, permintaan terhadap tudung berjenama semakin meluas dari wanita bekerjaya yang gemar membeli tudung secara dalam talian. Trend tudung berubah dengan kemunculan jenama selebriti popular sekitar tahun 2014 hingga 2016 seperti Naelofar Hijab dan Duckscarves telah menjadi satu fenomena baharu kepada penawaran tudung premium khas untuk pelanggan yang mementingkan prestij (Dzireena, 2016; Nik Hazirah, 2018).

	
<p>Foto 15 Jenama Nealofar Hijab <i>Sumber:</i> Nur Sofea. 25 November 2016. Jenama Tudung Selebriti. Her Inspirasi.com</p>	<p><i>Sumber:</i> Jenama Duckscarves <i>Sumber:</i> Nik Hazirah Nik Daud. 30 Oktober 2018. 10 Jenama Tudung Laku Keras Di Malaysia. http://www.mhetv.my</p>

Perkembangan perniagaan tudung ini telah memberi istilah atau gelaran baharu kepada nama tudung tersebut. Istilah yang diperkenalkan ini merujuk kepada bentuk dan fungsi yang memudahkan dan cepat untuk disiapkan seperti *instant shawl*, *instant-bawal* dan *bawal-shawl* dan *instant bawal-shawl* (temu bual Ammar, 25 September 2018). *Instant shawl* adalah *shawl* yang berjahit di bahagian tertentu sahaja. Bahagian yang dijahit itu bertujuan membentuk *loop* atau lubang bagi memudahkan untuk disarungkan ke bahagian muka tanpa menggunakan pin. *Instant shawl* ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu *single loop* atau satu lubang dan *double loop* atau dua lubang.

Terdapat dua jenis *instant shawl* yang mempunyai *single loop* yang digemari oleh wanita bertudung pada masa kini. Bentuk pertama diukur dan dijahit siap di bahagian bawah dagu. *Single loop* jenis kedua diukur dan dijahit siap di bahagian cuping telinga. Jahitan tersebut dijahit sepanjang 1 cm sahaja dengan tujuan untuk mengepilkan lipatan kain *shawl* agar bukaan lubang muka terbentuk bagi memudahkan pengguna menyarungkannya. Bagi *double loop instant shawl* pula, kain *shawl* dilipat pada posisi menghadap antara satu sama lain sebelum menjahit 1 cm di setiap *loop* untuk mengepilkan kain tudung tersebut agar membentuk bukaan lubang muka. Pada *loop* yang pertama, dilipat 17 inci dan dijahit mengikut ukuran bukaan muka, manakala *loop* yang kedua dilipat 1 inci lebih panjang. Tujuannya adalah untuk kelihatan dua lapisan di bahagian atas kepala yang membentuk seperti *awning*. *Loop* yang pertama yang disarungkan di muka berfungsi sebagai anak tudung dan *loop* yang kedua pula berfungsi sebagai tudung itu sendiri.

Bagi *instant* bawal pula, tudung bentuk segi tiga ini dijahit siap bersama dengan *awning* yang berbentuk seperti *cap*. Bahagian *awning* tudung bawal yang sedia berlapis itu lebih berat hingga memudahkan bahagian tersebut dilengkungkan dengan kemas. Namun, pengayaan *signature* atau tanda rasmi tudung bawal yang berbentuk segi tiga kelihatan kejung (*stiff*) dan tidak beralun menutupi bahagian hadapan badan seperti dalam Foto 21. Bawal *shawl* pula adalah tudung *shawl* yang dilipat pada bahagian hujung tudung untuk membentuk *awning* agar senang dibentuk seperti tudung bawal. Tudung *instant* bawal-*shawl* adalah *shawl* yang dilipat dan dijahit siap seperti tudung bawal untuk membentuk *awning*. Bahagian hadapan *shawl* mudah dipergayakan untuk membentuk jatuhnya kain yang *drapery* atau kepek-kepek beralun seperti dalam Foto 15, 17, 19 dan 22.

	
<p>Foto 17 Gaya <i>single loop instant shawl</i> <i>Sumber:</i> Facebook: Kaira Closet</p>	<p>Foto 18 <i>Instant shawl single loop</i> <i>Sumber:</i> Tutorial Tudung 5 saat by Zra Collection www.youtube.com</p>
	
<p>Foto 19 Gaya <i>Double Loop Instant Shawl</i> <i>Sumber:</i> <i>Womens fern green moss crepe plain double loop instant hijab scarf ready to wear</i> www.amazon.com</p>	<p>Foto 20 <i>Double loop instant shawl</i> <i>Sumber:</i> <i>Double loop shawl tutorial sakura shawl</i> www.youtube.com</p>

Tahun 2000-an hingga kini merupakan menjadi titik permulaan kepada perubahan yang drastik dari aspek bentuk dan fungsi tudung. Perubahan ini disebabkan golongan muda menitikberatkan tujuan pemakaian tudung sebagai trend fesyen berpakaian menyebabkan wujud perubahan bentuk tudung yang dipakai. Sebagai contoh sekitar tahun 2005, tudung bawal atau skaf empat segi dari kain *voile* tidak lagi dipakai oleh ramai wanita Melayu Islam. Pada ketika itu, muncul pelbagai jenis tudung yang mempunyai unsur dari negara luar seperti Arab dan Indonesia (Anizon, 2019). Keplbagaian ini telah menjadi alternatif kepada wanita bertudung untuk meneroka gaya pemakaian baharu tudung tersebut. Menurut Siti Azlia (2019), pengaruh tudung yang menjadi *trademark* dari Indonesia adalah gaya tudung sarung singkat dari kain jersey yang *stretchable* atau kain mudah meregang. Selain itu, elemen tudung dari negara Arab yang terkenal seperti selendang panjang dari tenunan bulu biri-biri yang dipanggil *pashmina* atau *shawl* yang diminati ramai khasnya golongan muda yang suka mencuba sesuatu yang baharu (temu bual Anizon, 2019).

	
<p>Foto 21 Instant bawal by Imaneena <i>Sumber:</i> Instant Bawal by Imaneena. www.findglocal.com</p>	<p>Foto 22 Sofia 2.0 bawal-shawl instant <i>Sumber:</i> Nur Manis Boutique Online. www.nurmanisboutique.com</p>

PENUTUP

Hasil kajian ini mendapati trend perubahan gaya hidup yang terus berlaku mempengaruhi tujuan pemakaian tudung. Terdapat tiga faktor utama tujuan pemakaian tudung di Malaysia. Pertama, bertudung bertujuan untuk menzahirkan nilai-nilai kepatuhan dalam ajaran agama Islam. Faktor kedua pula, pemakaian tudung melambangkan imej dan jati diri bangsa Melayu, manakala faktor ketiga bertujuan semata-mata untuk berfesyen dan tidak mahu dipandang ketinggalan dengan trend semasa. Tujuan pemakaian tudung ini mempengaruhi perubahan cita rasa, bentuk dan fungsi tudung yang dihasilkan pada masa hadapan. Secara tidak langsung, permintaan untuk berfesyen telah membuka ruang kepada penawaran

dalam bentuk komersialisasi perniagaan tudung yang menjadi salah satu industri penyumbang kepesatan ekonomi Islam di Malaysia.

Perubahan gaya hidup dan tujuan pemakaian tudung menyebabkan berlaku perubahan bentuk dan fungsi tudung. Bermula dengan gaya pemakaian kain tudung singkat berbentuk empat segi yang dilipat menjadi tudung berbentuk tiga segi dan diikat belakang, kini pengguna mempunyai pelbagai alternatif bentuk tudung. Antaranya bentuk tudung sarung atau *instant* tudung, tudung bawal mahupun *shawl*. Selain itu, bagi menyelesaikan masalah pengguna yang perlu bersiap cepat, terdapat bentuk tudung yang boleh menyelesaikan masalah pengguna yang dikenali sebagai *instant shawl* dan bawal-*shawl*. Walaupun demikian, gaya tudung sarung berbentuk tiga segi masih bertahan hingga hari ini, khasnya dipakai sebagai pelengkap pakaian seragam sekolah. Tudung bawal berbentuk tiga segi masih diminati oleh kebanyakan pelajar IPT di Malaysia. Namun, wujud perbezaan yang ketara pada tudung bawal dari aspek penggunaan fabrik, warna dan hiasan yang diletakkan di permukaan tudung tersebut. Selain itu, perubahan pada bentuk tiga segi yang runcing di bahagian hujung tudung hadapan dan belakang telah diubah sedikit menjadi melengkung (*curve*).

Gaya berselendang sememangnya bukan menjadi perkara asing dalam kalangan wanita Melayu pada zaman sebelum merdeka. Selendang yang dipakai melambangkan identiti keperibadian wanita Melayu yang ayu dan sopan. Namun, pengayaan selendang telah berubah mengikut trend pada masa kini. Kata nama selendang juga diubah menggunakan istilah dan kata nama dari pada bahasa Inggeris yang dipanggil *shawl*. *Shawl* yang dipakai pada ketika ini telah mengalami perubahan dari aspek warna, cara pengayaan fabrik, corak serta hiasan. Trend *shawl* gaya milenia ini telah mengubah cita rasa Muslimah berhijab. Golongan muda lebih menggemari *shawl* kerana cara pengayaannya dapat dipelbagaikan membentuk gaya yang unik, bersahaja dan *trendy*.

Kini, wanita Islam yang bertudung mempunyai pelbagai pilihan untuk menggayakan tudung mengikut keselesaan dan cita rasa masing-masing. Cita rasa individu berbeza dengan individu yang lain bergantung kepada tujuan pemakaian tudung individu tersebut. Seorang wanita yang gemar berfesyen lebih cenderung memilih *shawl* yang boleh digayakan dengan pelbagai variasi gaya yang unik, menarik dan lain daripada gaya kebiasaan. Wanita yang memilih praktikaliti dalam berpakaian dan bertudung cenderung memilih gaya tudung yang mudah, cepat dan senang dipakai dan diselenggarakan seperti tudung sarung atau *instant* tudung. Tidak ketinggalan, wanita yang gemar kepada sesuatu yang ringkas, kemas, klasik dan tudung bercirikan kemelayuan cenderung memilih tudung bawal dalam koleksi gaya mereka.

RUJUKAN

- Bloch, P. H. (1995). Seeking the ideal form: Product design and consumer response. *Journal of Marketing*, 59, pp. 16–29.
- Boland, R. J. & Collopy, F. (2004). Design matters for management. In Boland, R. J. & Collopy, F. (eds.). *Managing as Designing*. (p. 3–18) . Stanford, CA: Stanford University Press.
- Elsbach, K. D. (2009). Identity affirmation through “signature style”: A study of toy car designers. *Human Relations*, 62, pp. 1041–1072.
- Fadhullah b. Jamil. (2008). *Pemikiran HAMKA*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Abdan Nurfiqin. (2013). Pemakaian jilbab di kalangan siswi SMA. Skripsi: Sarjana Pendidikan Sosiologi dan Antropologi, Fakultas Ilmu Sosial, Universiti Negeri Semarang, Indonesia.
- Mohammad Abu Bakar. (1987). Islam Sebagai Addin Sebagai Slogan dalam Penulisan Islam Semasa. Kertas Kerja *Pemikiran Islam Semasa*. 9 Oktober 1987, hlm. 2. Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norazlan Hadi Yaacob. (2017). Kebangkitan Semula Islam di Malaysia. Peranan dan Sumbangan Angkatan Belia Islam Malaysia, 1971–2008. Tesis PhD. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nazirah Lee. (2014). Transformasi Fesyen Pakaian Muslim Di Semenanjung Tanah Melayu, 1930–1940. *Jurnal Perspektif*, Jilid 6 Bil.3(68-80). Penerbit: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norazlan Hadi Yaacob. (2017). Kebangkitan Semula Islam di Malaysia. Peranan dan Sumbangan Angkatan Belia Islam Malaysia, 1971–2008. Tesis PhD. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Ulrich, K.T. & Eppinger, S.D. (2008). *Product Design and Development*. 4th ed. New York: McGraw-Hill.

Temu Bual

- Ammar Arif, 32 tahun. Pengurus Pemasaran dan Operasi, Tudung Ruffle, Butik Tudung Ruffle, Bangi Sentral, Bangi, Selangor.
- Anizon Hussien, 43 tahun, Hijab Stylist & Mantan Editor Majalah Dara.com, Karang kraf Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Asliza Aris, 51 tahun, Pensyarah Fesyen, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.
- Che Zainon Omar, 63 tahun, Pensyarah Bersara dan Pensyarah Sambilan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Gyna Tssuraya Al-Yahya, 23 tahun, Penolong Pengurus Pemasaran, Ibu Pejabat Radiusite, Rawang, Selangor.
- Haliza Mahsuri, 45 tahun. Pengasas Bersama Bawal Exclusive. Butik Bawal Exclusive, Puchong, Selangor.
- Mohd. Firdaus Mohd. Hamsin, 39 tahun, Ahli Jawatankuasa ABIM Pusat, Bahagian Pendidikan ABIM, Kuala Lumpur.
- Noor Karimah Harun, 35 tahun. Perunding Imej Bertauliah & Pengurus Pemasaran MSQ Power Training, Bangi, Selangor.

Siti Azlia Idha Abdul Latif @Azlia Idha, 30-an, Hijab Stylist & Perunding Imej Bertauliah, Ketua Bahagian MAKE, Training Cube International Sdn. Bhd.

Siti Khadijah Abdul Wahid, 49 tahun, Penolong Pengarah, Bahagian Undang-Undang Keluarga, Unit Pengurusan NCR, Seksyen Pemodenan Rektifikasi Daftar, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Selangor.

Siti Zainon Ismail, 70 tahun. Pensyarah Bersara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Budayawan dan Sasterawan Negara Ke-14, Kuala Lumpur.

Zulhelmi bin Abdullah, 30 tahun, Pengurus Pemasaran, Ibu pejabat Radiusite, Rawang, Selangor

Internet

ABIM Pusat. (18 Oktober 2015). Perkembangan amalan bertudung di Malaysia: Memoir Allahyarham Profesor Dr Khatijah Salleh. <http://www.abim.org.my/berita-program/abim-pusat/item/930-perkembangan-amalan-bertudung-di-malaysia-mengimbu-memoir-allahyarham-prof-dr-khalijah-salleh.html>. Dilyari pada 26 Mei 2018.

Admin Tudung2u. (4 April 2019). Jenis bahan kain yang sesuai untuk tudung bawal. <https://www.tudung2u.com.my/2019/04/04/jenis-bahan-kain-yang-sesuai-untuk-tudung-bawal>. Dilyari pada 14 Mei 2020.

Almond Cream Viscose Spandex. Description. Laila Textile. www.lailatextile.com.my/product_info.php?products_id=1029. Dilyari pada 14 Mei 2020.

BBC Newsround. (18 June 2015). What's the difference between a hijab, niqab and burka. <http://www.bbc.co.uk/newsround/24118241>. Dilyari pada 18 Mei 2018.

Dzireena Mahadzir. (22 Jun 2016). Stylish Hijab from Malaysian Brands. The Star Online. www.thestar.com.my. Dilyari pada 20 April 2020.

Emma Fallman Stockholm. (2020). Which size to choose and how to wear it. Powered by Shopify <https://emmafallman.com/pages/scarf-size>. Dilyari pada 27 April 2020.

Fauzan Ibrahim. (2008). Hijab memelihara wanita. <http://fauzanibrahim.wordpress.com>. Dilyari pada 18 Mei 2018.

Foto 1: Kerchief Bandana. Denim Blue Kerchief Bandana Headband 14 inches 3 sizes. <https://www.amazon.com/Denim-Kerchief-Bandana-Headband-Sizes/dp/B01E9HUMDO>. Dilyari pada 21 April 2020.

Foto 2: Inner Anak Tudung Serkup Kait 2. <https://shopee.com.my/INNER-ANAK-TUDUNG-SERKUP-KAIT-2-i.41679511.7018273690>. Dilyari pada 5 Mei 2020.

Foto 3: Tudung Labuh Bulat Koshibo. <https://my-baju.net/tailor/350/item/3>. Dilyari pada 5 Mei 2020.

Foto 4: Tudung Sekolah Iman Safiyah. <https://www.picuki.com/tag/tudungsekolahimansafiyah>. Dilyari pada 5 Mei 2020.

Foto 5: Gaya tudung ikat belakang 1970-an. Foto peribadi Che Zainon Omar, 2019.

Foto 6: Gaya tudung ikat belakang 1980-an. Foto peribadi Che Zainon Omar, 2019.

Foto 7: Gaya tudung ikat riben. Koleksi peribadi penulis, Malam Mesra Pelajar Sarawak Siswa-Siswi Perantauan 1998.

Foto 8: Gaya tudung ikat depan koleksi peribadi penulis, rakan sekerja di AITEX Sdn. Bhd, 2000.

Foto 9: Gaya tudung selempang ikat belakang. Koleksi peribadi penulis, rakan karib berjalan kaki ke kuliah. 1996.

- Foto 10: Gaya tudung selempang di bahu koleksi peribadi penulis, rakan kolej menghadiri Malam Mesra Kolej Jati, UiTM Kampus Shah Alam 1997.
- Foto 11: Gaya selendang *pashmina*. Norlila Eli Ayu Muslimah. (4 Jun 2012). Cara Pemakaian Tudung *Pashmina*. Blog: Noicboo.blogspot.com. <http://noicboo.blogspot.com/2012/06/cara-pemakaian-tudung-pashmina.html>. Dilayari pada 21 April 2020.
- Foto 12: Gaya tudung bawal pin di bahu kiri dan kanan. (17 April 2017). Tudung hajar best senang bentuk dan tak jarang. Facebook: Tudung Dea Ameera <https://www.facebook.com/deameera.exclusive/photos/pcb.1363808670378085/1389331757825776/?type=3&theater>. Dilayari pada 21 April 2020.
- Foto 13: Gaya tudung segi tiga atau tudung bawal lepas depan. Koleksi peribadi penulis. Hari Raya Pertama, 1996.
- Foto 14: Gaya tudung ikat necktie 1970-an. Foto peribadi Che Zainon Omar, rakan sekerja Beruniform. 2019.
- Foto 15: Jenama Nealofar Hijab. Koleksi foto Nur Sofea. (25 November 2016). Jenama tudung selebriti. HerInspirasi.com. herinspirasi.com/fesyen-kecantikan/jenama-tudung-selebriti/. Dilayari pada 29 Oktober 2019
- Foto 16: Jenama Duckscarves. Koleksi foto Nik Hazirah Nik Daud. (30 Oktober 2018). 10 Jenama tudung laku keras di Malaysia. <http://www.mhetv.my/10-jenama-tudung-laku-keras-di-malaysia/>. Dilayari pada 7 Mac 2019.
- Foto 17: Instant shawl single loop. (24 September 2018). Facebook: Kaira Closet <https://www.facebook.com/fs.muslimahcloset/photos/a.2024178437852083/2217498101853448/?type=3>. Dilayari pada 21 April 2020.
- Foto 18: Tutorial tudung 5 saat by Zra Collection (Instant shawl single loop) <https://www.youtube.com/watch?v=IsrTOLaGHdI>. Dilayari pada 11 Mei 2020
- Foto 19: Double loop instant shawl. Womens fern green moss crepe plain double loop instant hijab scarf ready to wear. <https://www.amazon.com/Womens-Green-Crepe-Double-Instant/dp/B077GS62FM>. Dilayari pada 21 April 2020.
- Foto 20: Double loop shawl tutorial sakura scarf. <https://www.youtube.com/watch?v=Bl2jirUegXo>. Dilayari pada 11 Mei 2020
- Foto 21: Instant bawal by Imaneena. <http://www.findglocal.com/YE/Kedah/690714527715364/Instant-Bawal-By-Imaneena>. Dilayari pada 5 Mei 2020
- Foto 22: Sofia 2.0 bawal shawl instant. <https://www.nurmanisboutique.com/categories/SOFIA-2.0---Bawal-Shawl-Instant/11>. Dilayari pada 5 Mei 2020
- Indah Seokotjo. (27 Mac 2015). Tentang Scarf, Shawl, Pashmina, Stola, Selendang dan Bandanna. <http://indahseokotjo.blogspot.my/2015/03/scarf-shawl-stola-pashima-selendang-dan.html>. Dilayari pada 27 Mei 2018
- Ketahui kaedah pemasaran anda: 7 kaedah pemasaran. SME Info. <https://www.smeinfo.com.my/my/memasarkan-perniagaan-anda/ketahui-kaedah-pemasaran-anda-7-kaedah-pemasaran>. Dilayari pada 26 April 2020
- Scarf, shawl, stole and wrap – Different Size measurements. Sewguide.com <https://sewguide.com/scarf-shaw-stole-wrap/>. Dilayari pada 27 April 2020.
- Sejarah Jelitasara. www.jelitasara.com. Dilayari pada 20 April 2020.
- Sejarah. Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). www.pkpim.org.my. Dilayari pada 29 April 2020.

- Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983 Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah https://sktatau.weebly.com/uploads/1/0/0/9/100959972/peraturan_asas_persekolahan.pdf. Dilayari pada 21 April 2020.
- Trending Muslim Id. (2017). Ini Pengertian Hijab, Jilbab, Khimar, Kerudung, Niqab dan Burqa, <http://kumparan.com>. Dilayari pada 23 Mei 2018
- 7 Strategi Pemasaran Produk yang Harus Anda Coba. *Marketing: Journal Entrepreneur*. <https://www.jurnal.id/id/blog/strategi-pemasaran-produk-yang-harus-anda-coba/>. Dilayari pada 24 April 2020
- Very Blue Scuba Description. *Laila textile*. www.lailatextile.com.my/product_info.php?products_id=1202 1/2. Dilayari pada 14 Mei 2020.